



04 MAY, 2020

Orang ramai digalakkan bantu haiwan di Zoo Negara

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Orang ramai digalakkan bantu haiwan di Zoo Negara

Semua pihak terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, bermula 18 Mac lalu dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan wabak COVID-19.

Zoo Negara antara organisasi terkesan akibat COVID-19 dan pelaksanaan PKP yang sumber pendapatannya adalah daripada hasil jualan tiket kepada orang ramai.

Sejak wabak COVID-19 semakin menular, ditambah pula dengan PKP, Zoo Negara tidak menerima pengunjung. Secara tidak langsung, Zoo Negara tidak mempunyai pendapatan daripada hasil jualan tiket.

Kerajaan Persekutuan menyala-

urkan RM1.3 juta untuk membantu pengurusan Zoo Negara. Pemberian bantuan RM1.3 juta ini adalah usaha membantu Zoo Negara untuk mengendalikan hidupan yang ditempatkan di situ. Penyerahan cek kepada pihak pengurusan Zoo Negara disempurnakan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dr Shamsul Anuar Nasara.

Seperti kata Shamsul Anuar, penyerahan bantuan itu ialah dana awal diberikan dan pihak kementerian percaya, ia boleh digunakan pengurusan Zoo Negara untuk bekalan makanan dan keperluan haiwan sepanjang tempoh perintah PKP dilaksanakan.

Pihak Zoo Negara memperkenalkan alternatif lain, iaitu kem-

pen haiwan angkat sebagai antara usaha bagi memastikan bekalan makanan, perubatan dan pengurusan haiwan di sana dapat diteruskan.

Justeru, rakyat Malaysia yang prihatin digalakkan menyertai kempen ini mengikut pakej yang disediakan. Sumbangan boleh diberi secara sekali atau secara bulanan. Individu yang memberi sumbangan akan dihadiahkan e-sijil yang akan turut dicatatkan dengan nama haiwan yang dipilih.

Antara haiwan boleh dijadikan sebagai haiwan angkat ialah Harimau Bintang (Panjang); singa (Samba); Orang Utan (Ben) dan Gajah (Sibol).

Sesiapa yang menderma, layak

mendapat minimum satu tiket percuma dengan hanya menunjukkan bukti transaksi sumbangan.

Antara cadangan membantu Zoo Negara, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan usaha sama pekebun kecil, memberikan sumbangan hasil pertanian kepada pertubuhan bu-
kan kerajaan (NGO) untuk di-
darkan kepada Zoo Negara.

Sumbangan itu dapat dijadikan sebagai bekalan makanan untuk haiwan di situ.

Selain itu, syarikat pembersihan menyalurkan sumbangan alat atau bahan pembersihan untuk Zoo Negara. Sumbangan ini dapat menjimatkan kos operasi Zoo Negara.

Khidmat sukarela ini perlu diteruskan sehingga Zoo Negara berjaya mencapai jualan tiket mencukupi untuk menanggung kos operasinya.

Diharapkan cadangan ini dapat menarik perhatian orang ramai untuk menghulurkan sumbangan kepada Zoo Negara. Keprihatinan rakyat Malaysia amat diperlukan untuk membela nasib hidupan di Zoo Negara.

Rakyat Malaysia yang prihatin pastinya akan berasa kasih terhadap semua haiwan di dalam Zoo Negara dan pastinya inginkan yang terbaik agar semua haiwan dapat meneruskan kehidupan.

Nor Arisha Syafiqah Mohd Azri,
Universiti Pendidikan Sultan Idris



04 MAY, 2020

Orang ramai digalak bantu haiwan di Zoo Negara

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Semua pihak terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, bermula 18 Mac lalu dalam usaha memutuskan rantai jangkitan wabak COVID-19. Zoo Negara antara organisasi terkesan akibat COVID-19 dan pelaksanaan PKP yang sumber pendapatannya adalah daripada hasil jualan tiket kepada orang ramai. Sejak wabak COVID-19 semakin menular, ditambah pula dengan PKP, Zoo Negara tidak menerima pengunjung. Secara tidak langsung, Zoo Negara tidak mempunyai pendapatan daripada hasil jualan tiket.